



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**MAJLIS PENASIHAT KERTAS PUTIH KESIHATAN
(*HEALTH WHITE PAPER ADVISORY COUNCIL*)**

Mesyuarat Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan (HWP) yang pertama bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan ahli Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan (HWP) telah diadakan hari ini di Ibu Pejabat KKM, Putrajaya.

Seperti yang sedia maklum, KKM sedang dalam proses pembangunan Kertas Putih Kesihatan yang akan menggariskan cabaran serta kekangan yang dihadapi sistem kesihatan negara kini. Kertas putih ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian dari segi reformasi penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi. Cadangan penyelesaian ini akan mengambil pendekatan berfasa merangkumi tempoh 15 tahun.

Bagi memastikan pendekatan reformasi yang dicadangkan melalui Kertas Putih Kesihatan adalah komprehensif, sebuah Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan telah ditubuhkan secara rasmi pada 10 Ogos 2022. Barisan 13 orang ahli majlis penasihat ini dipilih berdasarkan kepakaran serta pengalaman mereka yang meluas, bukan sekadar dalam sektor kesihatan malah daripada sektor seperti ekonomi, akademik dan sosial.

Peranan utama Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan adalah untuk menyumbang buah fikiran, syor serta nasihat kepada KKM dalam proses pembangunan HWP. Maka kepakaran serta pengalaman mereka adalah penting dalam memastikan HWP ini holistik, komprehensif dan inklusif. Selain itu, mereka juga berperanan sebagai wakil kepada KKM untuk sesi

libat urus bersama pihak berkepentingan. Barisan ahli Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan adalah terdiri daripada:

Bil.	Nama	Jawatan Sekarang	Keahlian
1	Tan Sri Dr S. Subramaniam	Mantan Menteri Kesihatan Malaysia	Pengerusi bersama
2	Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	Pengerusi AXIATA Group	Pengerusi bersama
3	Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood	Profesor dan Pengarah Eksekutif <i>Sunway Centre for Planetary Health</i> , Universiti Sunway	Ahli
4	Prof. Datuk Dr. Norma Mansor	Pengarah di <i>Social Security Research Centre</i> Universiti Malaya	Ahli
5	Datuk Dr. Shahnaz Murad	Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)	Ahli
6	Prof. Dato' Dr Adeeba Kamarulzaman	Profesor di Unit Penyakit Berjangkit, Universiti Malaya	Ahli
7	Prof Dato' Dr Syed Mohamed Al-Junid	Profesor and Pengerusi di <i>Department of Health Policy & Management</i> , Universiti Kuwait	Ahli
8	Prof. Dr Elil Renganathan	Profesor Kesihatan Awam dan Polisi di Universiti Sunway	Ahli
9	Prof. Datin Paduka Dr. Soo-Hwang Teo	Ketua Penyelidik Saintifik di <i>Cancer Research Malaysia</i>	Ahli

10	Dr Koh Kar Chai	Presiden Persatuan Perubatan Malaysia	Ahli
11	Dr Khor Swee Kheng	Penolong Profesor di <i>Saw Swee Hock School of Public Health, National University of Singapore</i>	Ahli
12	Dr. Chong Mei Chan	Professor Madya di Jabatan Perubatan, Universiti Malaya	Ahli
13	Dr. Helmy Haja Mydin	Pakar perubatan di Hospital Pantai Ketua Pegawai Eksekutif of <i>Social & Economic Research Initiative</i>	Ahli

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua ahli majlis penasihat atas pelantikan mereka dengan harapan sumbangan mereka kepada usaha ini akan membantu Kerajaan khususnya KKM demi kesejahteraan serta kesihatan Keluarga Malaysia.

Dengan khidmat majlis penasihat ini, adalah diharapkan bahawa proses pembangunan dan penerangan mengenai Kertas Putih Kesihatan ini akan berjalan lancar serta kandungannya lebih komprehensif untuk memastikan sistem kesihatan negara berkualiti, mampan serta kalis masa hadapan.

KHAIRY JAMALUDDIN

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

30 Ogos 2022